

Menangani keangku

Oleh NORAINI ABD. RAZAK



MM 22/6/08
M/S 6

SEGALA-GALANYA telah terjawab kelmarin. Dewan Tertinggi Parti Maju Sabah (SAPP) sebulat suara menyokong cadangan untuk mengemukakan usul undi tidak percaya terhadap kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang bakal dikemukakan di Dewan Rakyat esok.

Tetapi pada masa yang sama SAPP menetapkan pendirian untuk kekal dalam Barisan Nasional (BN) dan menyerahkan kepada pucuk pimpinan tertinggi parti yang menaungi SAPP selama kira-kira empat tahun itu untuk menentukan apa tindakan selanjutnya.

Sememangnya wujud percanggahan antara sokongan terhadap usul undi tidak percaya yang dinyatakan oleh SAPP dengan begitu jelas; dan ketetapan untuk terus menjadi parti komponen BN.

Sekilas pandang semua orang mampu meneka apa sebenarnya yang tersirat di sebalik ketetapan bercabang dua yang diputuskan oleh SAPP. Biar pun undi tidak percaya yang disokong Dewan Tertinggi SAPP jelas memperlihatkan tindakan belot atau berpaling tadah, namun barisan pemimpin parti itu enggan meninggalkan parti induk sebaliknya menyerahkan kepada pucuk pimpinan parti untuk membuat keputusan.

Dan keputusan yang diinginkan tidak lain tidak bukan - hukuman berbentuk penyingkiran daripada BN lantaran mengetahui tindakan mereka amat bertentangan dengan semangat yang telah dipersetujui antara semua parti komponen BN.

Ini bermakna jika SAPP disingkirkan daripada BN bukan mereka yang meminta dikenakan tindakan sedemikian kerana Dewan Tertinggi parti komponen itu telah memutuskan untuk kekal bersama BN.

Justeru oleh kerana telah disingkirkan maka tanpa perlu ada rasa bersalah setiap empat ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan dua ahli Parlimen SAPP bebas mengembangkan sayapnya termasuk seperti yang diduga oleh semua pihak kemungkinan amat besar akan menyertai pakatan pembangkang.

Itu adalah pendirian SAPP yang diputuskan pada mesyuarat kira-kira empat jam dengan dihadiri oleh hampir kesemua 35 anggota Majlis Tertinggi parti komponen itu kelmarin.

Keputusan tersebut sekali gus menjawab pertanyaan Dewan Tertinggi BN - di mana pendirian SAPP apabila Presidennya, Datuk Yong Teck Lee mengumumkan bahawa dua ahli Parlimen parti komponen itu akan mengemukakan usul undi tidak percaya terhadap Perdana Menteri.

Biar pun Timbalan Presiden SAPP Datuk Raymond Tan Shu Kiah bersungguh-sungguh menegaskan bahawa keputusan itu tidak

dibuat sebulat suara namun sehingga kini hanya beliau dan Ketua Pemuda, Au Kam Wah menyanggah pendirian Presiden manakala orang-orang penting SAPP yang lain senada dengan Teck Lee.

Hakikatnya, sidang akhbar yang berlangsung Jumaat lalu menyerlahkan pendirian SAPP bahawa cadangan membawa usul undi tidak percaya terhadap Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN itu bukan bersifat peribadi atau atas kapasiti Presiden SAPP semata-mata.

Itu adalah kemahuan SAPP iaitu parti komponen yang ditubuhkan pada 19 Januari 1994 apabila Teck Lee keluar daripada Parti Bersatu Sabah (PBS) selepas lebih 10 tahun berada dalam parti itu. Jawatan terakhirnya dalam PBS ialah timbalan presiden ketika mana beliau juga memegang jawatan Timbalan Ketua Menteri Sabah.

Rentetan pendirian SAPP terhadap pelbagai isu serta masalah yang telah berakar umbi di Negeri Bawah Bayu itu disuarakan tanpa berselindung lagi terutama selepas pilihan raya umum lalu antara lain meminta Kerajaan Persekutuan supaya lebih prihatin dan bersungguh-sungguh 'membetulkan segala yang tidak kena' di negeri itu.

Bukan hanya Teck Lee, barisan pemimpin Sabah yang lain termasuk Datuk Ghapur Salleh, Datuk Anifah Aman dan Datuk Bung Mokhtar juga mengetengahkan pelbagai pandangan yang kesemuanya menjurus kepada pembuktian bahawa rakyat Sabah dianaktirikan selama ini.

Bagi SAPP semangat BN tiada di Sabah, malah keputusan untuk mengemukakan usul tidak percaya terhadap Perdana Menteri didorong oleh keyakinan bahawa parti itu mesti menetapkan pendirian sebelum Ogos dan tarikh 20 Jun adalah paling sesuai.

Lupus

SAPP percaya selepas Ogos, Sabah akan lupus semula daripada ingatan BN dan para pemimpinnya lantaran fokus akan tertumpu kepada pemilihan MCA dan UMNO; kedatangan Ramadan, Hari Raya, musim peperiksaan dan segala bentuk program akhir tahun yang disifatkan oleh Teck Lee akan melenyapkan Sabah dari pemikiran para pemimpin Pusat.

Ada lagi percanggahan usul undi tidak percaya SAPP dengan semangat Tujuh Perisytiharan Penduduk Sabah antara lain mahu kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat bekerjasama membetulkan ketidakseimbangan dalam sektor ekonomi dan sosial melibatkan Sabah dan negeri lain.

Adakah dengan menyatakan ketidaksetiaan kepada peneraju parti bermakna kerjasama yang lebih erat antara Pusat dan negeri akan dapat diwujudkan; dan bagaimana pula semangat perisytiharan itu dapat direalisasikan jika kelak SAPP menyertai pakatan pembangkang - sesuatu yang tidak mustahil berlaku.

Melihat kemelut yang ditimbulkan oleh SAPP itu, biar pun dikatakan kemungkinan usul undi tidak percaya dibentangkan esok amat tipis namun cubaan untuk mengocak

suasana sidang Dewan Rakyat esok pasti berlaku.

Apatah lagi esok ada usul berhubung keputusan kerajaan menaikkan harga minyak akan dibentangkan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Shahrir Samad yang semestinya mengundang 'bantahan, minta laluan serta celahan' yang bukan sedikit.

Di adegan itu kelak dilihat peluang usul undi tidak percaya yang belum sempat diberi notis itu dibangkitkan secara tidak rasmi oleh kedua-dua ahli Parlimen SAPP iaitu Datuk Dr. Chua Soon Bui (BN-Tawau) dan Datuk Eric Majimbin (BN-Sepanggar).

Dan sekiranya apa yang dikehendaki oleh SAPP iaitu untuk membuat usul undi tidak percaya di Parlimen menjadi kenyataan, maka ia merupakan satu sejarah dalam senario politik tanah air.

Seolah-olah alirannya sama dengan perkembangan politik di negara jiran Thailand apabila pembangkang di negara jiran itu membentangkan usul tidak percaya terhadap Perdana Menteri, Samak Sundaravej.

Menoleh sejarah politik tanah air amat diketahui umum bahawa usul undi tidak percaya tidak pernah berlaku di dalam Parlimen, walaupun telah berlaku di negeri Sarawak di akhir tahun 60-an dalam kes Stephen Kalong Ningkan.

Pun begitu, dalam kes Sarawak, usul seumpama itu tidak dibuat di Dewan Undangan Negeri, maka mahkamah menyatakan bahawa usul tidak percaya tersebut tidak sah. Mahkamah dalam kes tersebut menyatakan bahawa, untuk menjadikan sesuatu undi tidak percaya sah, ia hendaklah dilakukan secara formal iaitu di Dewan Undangan Negeri.

Berdasarkan keputusan kes di Sarawak itu, menurut Pensyarah Undang-Undang Perlembagaan Universiti Islam Antarabangsa, Dr. Shamrahayu Abd. Aziz maka semestinya undi tidak percaya dibuat di Parlimen, sekiranya pihak-pihak tertentu mahu kan Perdana Menteri secara sah hilang kepercayaan.

Bagaimanapun beliau menarik perhatian bahawa dalam prinsip-prinsip perlembagaan yang asas, keputusan dalam kes Stephen Kalong Ningkan tersebut bukanlah satu-satunya cara bagaimana seorang Perdana Menteri atau pemerintah akan hilang kepercayaan Dewan.

Contohnya, dalam kes Tun Datu Amir Kahar yang berlaku di Sabah, mahkamah telah menentukan bahawa tanggapan tidak percaya boleh terjadi bilamana, bilangan mereka yang menyokong pemerintah menjadi lebih kecil daripada mereka yang menentang. Apa yang disebut dalam kes Datu Amir Kahar, menurut Shamrahayu sebagai "extraordinary circumstances".

Dalam kes tersebut, Pairin yang telah hilang beberapa orang rakan parti dan menjadikan parti majoriti dalam Dewan Undangan Negeri Sabah berkurangan dan gagal membentuk majoriti, Pairin telah meletakkan jawatan.

Datu Amir Kahar pada masa tersebut merupakan Menteri Pertanian dan Perikanan

telahan SAPP

BN tidak perlu lagi bersikap menarik rambut dalam tepung kerana SAPP secara jelas mencabar barisan pimpinan parti untuk membuat keputusan berhubung kedudukan mereka.

Sabah memohon kepada Mahkamah untuk mengekalkan jawatannya, walaupun Pairin telah meletakkan jawatan.

"Mahkamah memutuskan bahawa, peletakan jawatan Pairin merupakan peletakan jawatan keseluruhan Kabinet, bukannya peletakan jawatan secara berseorangan, dan mahkamah mengisytiharkan Datu Amir Kahar sebenarnya bukan lagi seorang menteri," katanya.

Walaupun undi tidak percaya bukanlah isu utama dalam kes tersebut, tetapi mahkamah telah membuat satu prinsip penting dalam perkara undi tidak percaya iaitu, undian secara formal di dalam Dewan bukanlah satu-satunya cara melahirkan undi tidak percaya.

Dan dalam *extraneous circumstances* ini, tidak perlu lagi undi tidak percaya secara formal seperti yang diputuskan dalam kes Stephen Kalong Ningkan di Sarawak itu. Sekiranya ramai penyokong pemerintah telah beralih parti, dan parti yang dulunya minoriti telah membentuk majoriti, maka ini dengan sendiri menjadi *extraneous circumstances* dan boleh dikatakan sebagai undi tidak percaya seperti di dalam kes Tun Datu Amir Kahar di Sabah.

Tidak percaya

Dalam keadaan-keadaan lain, undi tidak percaya juga mungkin berlaku sekiranya pihak pemerintah gagal mendapatkan kepercayaan. Contohnya, bilamana para penyokong kerajaan meminta para ahli Dewan Rakyat memberikan sokongan atau kepercayaan kepada pucuk pimpinan, tetapi permintaan tersebut gagal mendapat sokongan atau kepercayaan tersebut, maka keadaan ini juga boleh dikatakan sebagai undi tidak percaya.

Begitu juga dalam keadaan di mana pihak kerajaan telah tidak dapat meluluskan rang undang-undang atau polisi besar negara, kerana gagal memperoleh 2/3 majoriti pada peringkat bacaan kedua dan ketiga sesuatu rang undang-undang atau telah ditentang hebat mengenai polisi besar tersebut, maka ini juga menjadi satu situasi yang mana undi tidak percaya telah berlaku.

Senario di hadapan kita sekarang ini menampilkan tiadanya kepercayaan salah satu parti komponen (itu pun dikatakan tidak sebulat suara), bukannya majoriti ahli Dewan Rakyat seperti yang disebutkan oleh Perlembagaan.

Dan ini menjadikan telahan SAPP belum lagi membuktikan bahawa tiadanya kepercayaan terhadap pimpinan Perdana Menteri. Bukan mahu mengandaikan sesuatu yang tidak akan terjadi tetapi persoalan yang melingkari orang awam ialah apa yang perlu dilakukan Perdana Menteri sekiranya undi tidak percaya ini berlaku?

Menurut peruntukan Perlembagaan Persekutuan, Perkara 43(4), Perdana Menteri hendaklah meletak jawatan, dan seorang Perdana Menteri baru akan dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong tanpa perlu menjalankan satu pilihan raya umum yang baru.

Peletakan jawatan Perdana Menteri dalam keadaan ini merupakan juga peletakan jawatan kesemua Jemaah Menteri yang telah dilantik semasa pemerintahan Perdana Menteri tersebut, seperti yang telah diputuskan dalam kes Datu Amir Kahar di Sabah.

Jika Perdana Menteri pasrah dan reda dengan apa yang berlaku, maka proses ini agak mudah, yang mana Yang di-Pertuan Agong akan melantik seorang yang pada pandangannya akan beroleh sokongan majoriti ahli Dewan Rakyat, sebagaimana peruntukan perkara 43(2) Perlembagaan Persekutuan.

Dan seterusnya Perdana Menteri baru tersebut akan menasihatkan Yang di-Pertuan Agong untuk melantik Jemaah Menteri yang baru. Pilihan kedua yang ada, sebagaimana peruntukan Perlembagaan ialah, Perdana Menteri, sekiranya tidak mahu meletakkan jawatan, maka beliau boleh menasihatkan Yang di-Pertuan Agong untuk membubarkan Dewan Rakyat.

Mungkin ini yang akan dilakukan oleh Perdana Menteri yang masih di dalam *state of denial* - tidak dapat menerima undi tidak percaya tersebut. Sekiranya Dewan dibubarkan, maka, satu pilihan raya umum perlu dijalankan bagi melantik perwakilan yang baru. Satu lagi proses membuang undi dan menentukan perwakilan akan berlaku.

Apa akan berlaku sekiranya Perdana Menteri gagal melakukan salah satu daripada dua pilihan yang diberikan oleh Perlembagaan?

Shamrahayu menjawab ringkas namun beliau yakin kesan daripada keengganan melakukan salah satu daripada dua pilihan yang ada itu amat besar.

"Saya berpandangan, kegagalan tersebut adalah tidak berperlembagaan. Namun kesannya ialah, ia akan mengundang bahaya pada negara, ia akan menjadikan suasana politik tegang dan pelbagai kemungkinan politik yang lebih teruk akan berlaku," katanya.

Setelah mengutuk kenyataan Teck Lee yang tidak berprinsip dan beretika serta bertentangan dengan semangat BN, maka tiba masanya Dewan Tertinggi BN membuat keputusan apa sebenarnya kedudukan SAPP.

BN tidak perlu lagi bersikap menarik rambut dalam tepung kerana SAPP secara jelas mencabar barisan pimpinan parti untuk membuat keputusan berhubung kedudukan mereka dan berdasarkan kelantangan Teck Lee ternyata tiada sekelumit kepercayaan beliau terhadap kepimpinan BN sekarang.